

**SULIT****011**

Bahasa Melayu

Pemahaman

Tahun 6

Percubaan UPSR

2013

50 minit

## **PENTAKSIRAN SUMATIF 3**

### **UPSR 2013**

Nama: .....

### **BAHASA MELAYU (PEMAHAMAN)**

#### **PERCUBAAN UPSR 2013**

Lima puluh minit

#### **JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas jawapan ini mengandungi 40 soalan. Jawab semua soalan.*
2. *Jawab dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan.*
3. *Bagi setiap soalan, hitamkan satu ruangan sahaja.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

#### **TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU**

Dibiayai oleh:  
Kerajaan Negeri Terengganu

Dicetak oleh:

Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Tel: 609-66 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

[Lihat sebelah  
**SULIT**]

**Soalan 1 hingga Soalan 20**

*Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.*


- 1 "Sebentar lagi \_\_\_\_\_ akan \_\_\_\_\_ ke balairung untuk majlis bersama rakyat," kata bendahara kepada semua panglima.
  - A tuanku....bertakhta
  - B baginda...berangkat
  - C beta....mencemar duli
  - D patik....merafak sembah
  
- 2 Pemuda itu telah \_\_\_\_\_ pintu rumah tersebut ketika kebakaran berlaku demi menyelamatkan seorang kanak-kanak.
  - A diterjah
  - B terjahan
  - C menerjah
  - D menerjahi
  
- 3 Kakak sedang \_\_\_\_\_ jari adik yang terkena duri menggunakan sebilah jarum untuk mengeluarkan duri tersebut.
  - A memicit
  - B menekan
  - C menyuntik
  - D menyentap
  
- 4 Para peserta kem motivasi haruslah menggunakan \_\_\_\_\_ yang ada untuk mengemukakan persoalan yang menjadi \_\_\_\_\_ kepada mereka.
  - A ruang....kesukaan
  - B peluang....cetusan
  - C kelebihan .... pertanyaan
  - D kesempatan.....kemusyikan

[Lihat sebelah]

5 Zaini telah berjaya menjadi olahragawati sempena kejohanan olahraga peringkat daerah baru-baru. \_\_\_\_\_, dia sememangnya layak ke peringkat negeri.

- A Namun begitu
- B Oleh yang demikian
- C Walau bagaimanapun
- D Sungguhpun demikian

Soalan 6 berdasarkan di bawah.



6 Dua orang ahli Persatuan Bulan Sabit Merah sedang \_\_\_\_\_ kaki Halim yang mengalami kecederaan setelah \_\_\_\_\_.

- A memeriksa....berlari-larian
- B membelek....dilarikan
- C membalut...larian
- D merawat...berlari

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



7 Seorang pengakap ditugaskan menyalaikan kayu api untuk \_\_\_\_\_ air.

- A menanak
- B merebus
- C mengukus
- D menjerang

[Lihat sebelah  
SULIT]

- 8 Puan Jamilah \_\_\_\_\_ menerima tawaran bekerja di syarikat itu tetapi dia terpaksa menolaknya kerana menjaga anaknya yang sakit.
- A akan pernah
  - B masih belum
  - C sudah pernah
  - D belum pernah
- 9 Ibu melarang kakak memakai baju kurung yang \_\_\_\_\_ kerana tidak sopan dipandang.
- A senteng
  - B cetek
  - C tirus
  - D ringkas
- 10 Sebahagian \_\_\_\_\_ ahli persatuan itu bersetuju \_\_\_\_\_ mengadakan sahbutan Hari Keluarga di Pulau Redang.
- A dari...bagi
  - B dari...supaya
  - C daripada...untuk
  - D daripada.... apabila

**Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.**



- 11 Salim menerima sepuak surat yang dikirimkan \_\_\_\_\_ sahabatnya di luar negara \_\_\_\_\_ seorang posmen.
- A daripada...dari
  - B untuk....oleh
  - C dari.....kepada
  - D oleh...daripada

[Lihat sebelah]

- 12 Azmil dan sahabatnya berasa \_\_\_\_\_ ketika perahunya berolang-oleng dipukul ombak.
- A resah  
B rimas  
C gerun  
D gamam
- 13 Kamisah \_\_\_\_\_ apabila adiknya mengatakan arnabnya sudah mati sedangkan dia baru sahaja memasukkannya ke dalam sangkar.
- A tersipu-sipu  
B terbahak-bahak  
C terlompat-lompat  
D tercengang-cengang
- 14 Puan Salbiah membeli dua \_\_\_\_\_ durian dan dua \_\_\_\_\_ petai di pasar.
- A pangsa....gugus  
B biji.... papan  
C ulas.... ikat  
D tangkai....bakul
- 15 Maziah akan turut serta dalam ekspedisi mendaki Gunung Ledang \_\_\_\_\_ mendapat kebenaran daripada kedua-dua ibu bapanya.
- A padahal  
B andaikata  
C sedangkan  
D melainkan
- 16 Ibu menasihati kami agar tidak bermain di luar rumah kerana keadaan \_\_\_\_\_ berjerebu dan berbahaya untuk kesihatan.
- A benar  
B sekali  
C agak  
D nian

[Lihat sebelah  
SULIT]

- 17 Rasinah perlulah \_\_\_\_\_ terhadap sahabatnya yang tidak dapat menyertai kumpulan mereka dalam ekspedisi pada saat-saat akhir.
- A sopan santun  
B tulus ikhlas  
C baik sangka  
D lurus hati
- 18 Antara \_\_\_\_\_ buah kereta itu, kereta Mazda berwarna hitam itulah milik Encik Ismail.
- A dua  
B ke-2  
C kedua  
D kedua-dua
- 19 Pertunjukan pakaian beragam oleh kanak-kanak prasekolah baharu sahaja habis. Berikan perkataan seerti bagi perkataan habis.
- A hilang  
B selesai  
C tutup  
D tiada
- 20 Penerangan yang diberikan oleh jurujual itu tentang barang keluaran baharu syarikatnya agak kabur.
- Perkataan berlawanan bagi kabur ialah
- A jelas  
B mudah  
C senang  
D cerah

[Lihat sebelah]

**21** Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.

Apakah yang menyebabkan mereka berasa risau terhadap kanak-kanak di taman perumahan itu?

- A Kanak-kanak itu berada dalam keadaan selamat ketika dijumpai.
- B Dia belum ditemui walaupun mereka telah mencarinya sehingga malam tadi.
- C Dia tercedera akibat terjatuh daripada basikal ketika menuruni bukit.
- D Kanak-kanak itu telah meminta pertolongan daripada penduduk taman itu.

**22** Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat di bawah.

Kami ke Melaka adalah untuk melawat ke tempat-tempat yang bersejarah.

- A Bilakah mereka mengadakan lawatan ke Melaka?
- B Siapakah yang akan pergi ke Melaka?
- C Apakah tujuan mereka pergi ke Melaka?
- D Adakah mereka ke Melaka untuk melihat tempat-tempat bersejarah?

**Soalan 23 - 24**

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 23**
- I Kami sedang mencari jalan untuk ke pulau itu.
  - II Di hujung kampung itu terdapat sebatang jalan yang sempit.
  - III Wanita itu baharu sahaja jalan pembedahan jantung.
  - IV Jalan cerita yang dipaparkan dalam buku itu telah menyentuh hati para pembacanya.
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

[Lihat sebelah

- 24** I Persahabatan mereka selama ini bagi retak menanti belah.  
 II Kebanyakan pinggan tembikar itu telah retak.  
 III Hubungan antara Wani dengan Salim sudah mulai retak.  
 IV Petani itu menyemai bijih benih padi di retak sawah.
- A I, II dan III  
 B I, II dan IV  
 C I, III dan IV  
 D II, III dan IV

**Soalan 25 - 26***Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

- 25** Hairi menemani sahabatnya Sofian memancing di tepi tasik petang semalam.
- A Sofian mengikut Hairi pergi memancing di tepi tasik.  
 B Mereka berdua pergi memancing pada petang semalam bersama-sama.  
 C Hairi menyertai Sofian pada petang semalam untuk memancing di tepi tasik.  
 D Mereka berdua pergi menemani sahabatnya memancing di tepi tasik.
- 26** Guru penolong kanan memberitahu bahawa sambutan Hari Kokurikulum yang akan diadakan pada minggu depan terbuka kepada pasukan unit beruniform.
- A “Mana-mana pasukan unit beruniform yang berminat menyertai Hari Kokurikulum bolehlah mendaftar sekarang,” kata guru penolong kanan.  
 B “Saya memberi peluang kepada mana-mana pasukan unit beruniform untuk menyertai sambutan Hari Kokurikulum pada minggu depan,” jelas guru penolong kanan.  
 C “Semua pasukan unit beruniform perlulah menyertai sambutan Hari Kokurikulum yang akan diadakan pada minggu depan,” kata beliau.  
 D “Sambutan Hari Kokurikulum ini adalah terbuka kepada ibu bapa ahli-ahli unit beruniform,” ujar beliau.

[Lihat sebelah]

**Soalan 27 – 28***Pilih ayat yang betul.*

- 27** A Baju yang dibelinya itu bukan mahal sangat.  
 B Kebanyakan buku-buku yang dijual itu murah harganya.  
 C Tolong jangan ambil barang milik orang lain.  
 D Harap dapat makluman awal tentang latar belakang tempat itu.
- 28** I Anak Encik Syafiq telah berjaya mendapat tempat kedua-dua dalam pertandingan catur.  
 II Para peserta larian dikehendaki berada lebih awal di tempat permulaan.  
 III Setengah-setengah kanak-kanak tidak suka makan gula-gula.  
 IV Beberapa orang ahli pasukan pengakap telah berjaya dalam ekspedisi kembara.
- A I dan II  
 B II dan III  
 C I dan IV  
 D III dan IV

**Soalan 29 - 30***Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.***29** Faris makan sebiji pisang selepas makan sebagai \_\_\_\_\_.

- A** basuh mulut
- B** basah tekak
- C** cuci tangan
- D** cari jalan

**30** Rashidah benar-benar kecewa akan sikap adiknya yang tidak tahu mengenang jasa kedua-dua ibu bapanya selama ini.**Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk ayat di atas.**

- A** seperti kera di hutan disusukan, anak sendiri mati kelaparan
- B** seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing
- C** seperti jauhari yang mengenal manikam
- D** seperti seperti kacang lupukan kulit

[Lihat sebelah  
SULIT]

**Soalan 31 hingga Soalan 35**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut :

Kelapa sawit merupakan sejenis tanaman utama di negara kita. Nama saintifiknya ialah Elaeis Guineensis. Kawasan penanaman kelapa sawit yang terbesar di negara kita terdapat di kawasan Jengka, Pahang, Labis di negeri Johor, dan juga Kemaman, Terengganu. Penanaman ini dijalankan secara *komersial* dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Buah, tandan dan batang kelapa sawit boleh menghasilkan pelbagai jenis barang. Bahagian yang paling utama ialah isirungnya yang menghasilkan minyak masak. Minyak isirung itu akan digunakan pula untuk menghasilkan pelbagai jenis makanan seperti marjerin, aiskrim dan lemak makanan. Selain itu, barang bukan makanan seperti sabun, lilin, asid lemak dan minyak pelincir motosikal juga dapat diproses melalui campuran bahan tertentu dengan minyak isirung. Tandanya pula akan diproses untuk dijadikan makanan haiwan, bahan api, baja dan bahan semaihan untuk cendawan.

Di samping itu, batang kelapa sawit juga dapat dijadikan perabot atau dihancurkan untuk menghasilkan papan yang bermutu dalam pembuatan perabot. Hasil perabot yang dihasilkan daripada batang kelapa sawit ini dipasarkan untuk kegunaan tempatan sahaja. Lidi yang terdapat pada daun kelapa sawit juga dijadikan penyapu untuk kegunaan harian di rumah.

Bagi meningkatkan lagi mutu minyak kelapa sawit di negara kita, kerajaan kita telah menubuhkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) pada 1 Mei 2000. Lembaga ini merupakan agensi yang telah dipertanggungjawab untuk membangunkan industri minyak sawit. Kini kerajaan telah melaksanakan projek penanaman semula pokok kelapa sawit secara besar-besaran bagi menampung keperluan permintaan dalam negara mahupun untuk dieksport ke luar negara bagi menambah pendapatan ekonomi negara.

[Lihat sebelah

- 31 Apakah kegunaan utama pokok kelapa sawit?
- A Dapat menghasilkan pelbagai jenis makanan  
B Minyak yang dihasilkan daripada isirungnya  
C Penting dalam industri pembuatan perabot  
D Semua bahagian pokok dapat menghasilkan pelbagai jenis barang
- 32 Bagaimanakah minyak pelincir boleh dihasilkan daripada minyak sawit?
- A Memproses minyak sawit dengan kaedah penyulingan  
B Mencampurkan dengan minyak petroleum  
C Campuran minyak isirung dengan bahan yang tertentu  
D Memasukkan sejenis bahan kimia ke dalam minyak sawit
- 33 Mengapakah kerajaan mengadakan projek penanaman semula pokok kelapa sawit?
- A Menambah hasil pendapatan negara  
B Menggantikan pokok-pokok yang telah tua  
C Untuk membantu pekebun-pekebun kecil  
D Memenuhi permintaan minyak sawit dunia
- 34 Apakah peranan utama agensi Lembaga Minyak Sawit Malaysia?
- A Membangunkan hasil minyak sawit negara  
B Mengawal harga minyak sawit di pasaran  
C Membantu para pengeluar minyak sawit  
D Mengawal mutu minyak sawit yang dihasilkan
- 35 Perkataan *komersial* dalam petikan di atas adalah bermaksud
- A berpanjangan  
B perdagangan  
C besar-besaran  
D perusahaan

**[Lihat sebelah**

**Soalan 36 hingga Soalan 40**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Aku memang gemar membaca buku-buku cerita dan cerpen yang mengisahkan kehidupan masyarakat yang ada di sekeliling kita. Salah satu cerpen yang menarik perhatianku ialah cerpen yang berjudul “Kasihnya Ibu Sepanjang Hayat”, yang aku baca daripada sebuah majalah pelajar.

Cerita ini mengisahkan bagaimana kasih sayang seorang ibu kepada anaknya yang begitu berharga dan tidak dapat dinilai dengan harta benda manapun wang ringgit. Puan Salwani mempunyai tiga orang anak perempuan yang masih lagi berada di bangku sekolah. Malangnya anak kedua Puan Salwani tidak sempurna anggotanya akibat tragedi kemalangan yang menimpa mereka sekeluarga beberapa tahun yang lalu.

Anaknya yang bernama Arisyah itu terpaksa menggunakan topang untuk berjalan. Ketigatiga anak Puan Salwani ini menuntut di sekolah yang sama. Ini memudahkan beliau untuk menghantar anak-anaknya ke sekolah. Apabila tiba di sekolah, Arisyah akan diantar oleh ibunya hingga sampai ke kelasnya. Ibunya yang dulu bekerja di pejabat, meletakkan jawatan kerana Arisyah lebih memerlukannya sebelum dia boleh berdikari seperti sekarang.

Melihatkan keadaan Arisyah yang sedemikian, kakak dan adiknya juga sentiasa memberikan semangat kepada Arisyah dan ringan tulang untuk memberikan bantuan jika diperlukan. Puan Salwani pula sentiasa memberikan semangat kepada anak-anaknya. Apabila berada di rumah, dia akan membantu anak-anaknya untuk mengulang kaji pelajaran.

Walaupun Arisyah itu tidak sempurna anggotanya, namun di sekolah dia merupakan salah seorang pelajar yang cemerlang. Begitu juga dengan kakak dan adiknya. Usaha yang gigih tanpa mengenal putus asa diamalkan oleh mereka untuk mencapai cita-cita.

Cerpen yang saya baca itu berakhir dengan kejayaan Arisyah memperoleh segulung ijazah untuk mendidik anak bangsa walaupun dia tidak sempurna anggotanya. Kejayaan ini berpunca daripada keyakinan diri yang disemaikan oleh ibu bersama adik dan kakaknya.

TAMAT KAJIAN 247333

- 36** Apakah pengorbanan utama seorang ibu kepada anaknya dalam petikan di atas?
- A** Menghantar anak-anaknya ke sekolah setiap pagi.
  - B** Meninggalkan kerjayanya kerana kepentingan untuk anaknya.
  - C** Mengajar mereka di rumah apabila ada masa terluang.
  - D** Sentiasa memberikan semangat untuk belajar kepada anak-anaknya.
- 37** Kecacatan yang berlaku pada Arisyah berpunca kerana
- A** demam panas yang dialaminya semasa dia masih kecil
  - B** terjatuh dari basikal ketika dia pulang dari sekolah
  - C** dilanggar oleh sebuah kereta semasa hendak melintas jalan
  - D** kemalangan yang dialami bersama keluarga beberapa tahun yang lepas
- 38** Bagaimanakah sikap adik dan kakak Ariya terhadap dirinya?
- A** Iri hati terhadapnya
  - B** Baik hati dan prihatin
  - C** Sentiasa mengalah dengannya
  - D** Benci dengan dirinya yang cacat
- 39** Apakah pekerjaan yang mungkin sekali diceburi oleh Arisyah?
- A** guru
  - B** kerani
  - C** peniaga
  - D** doktor
- 40** Pilih pernyataan yang **benar** berdasarkan petikan di atas.
- A** Cita-cita Arisyah masih lagi belum tercapai.
  - B** Puan Salwani pernah bekerja sebagai seorang guru
  - C** Kecacatan Arisyah tidak menghalangnya untuk berjaya hingga ke menara gading
  - D** Kemalangan yang dialami Arisyah semasa kecil menyebabkan kecacatan dirinya

#### KERTAS SOALAN TAMAT